



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM RETREAT PENINGKATAN TAHAP
GRED PREMIS MAKANAN DI SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

22 OKTOBER 2019 (SELASA)
9.40 PAGI

DEWAN SERBAGUNA JAWI
JALAN SERINDIT
SUNGAI JAWI
SEBERANG PERAI SELATAN

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penceramah

Para Peserta Retreat

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program *Retreat* Peningkatan Gred Premis Makanan Di Seberang Perai di Dewan Serbaguna Jawi, Jalan Serindit, Sungai Jawi.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada kesemua para peserta yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha dan pengendali-pengendali makanan di Seberang Perai Selatan kerana sudi meluangkan masa menghadiri serta melibatkan diri dalam Program *Retreat* Peningkatan Gred Premis Makanan Di Seberang Perai ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, MBSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus. MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari untuk menyahut cabaran dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022 serta menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”.

Salah satu fokus utama MBSP adalah mewujudkan persekitaran yang selamat serta pembangunan hijau dan persekitaran yang bersih. Persekitaran yang bersih merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan seharian kita selaras dengan amalan dan budaya masyarakat kita. Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesuatu masyarakat.

Tanggungjawab menjaga kebersihan selalunya dianggap sebagai tugas pihak berkuasa tempatan, dalam hal ini MBSP. Pandangan ini adalah salah. Tidak ada Kerajaan di dunia ini yang boleh membersihkan alam sekitar jika rakyat mengotorkannya sepanjang masa.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

MBSP telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kebersihan awam dan persekitaran termasuklah kebersihan di premis makanan. Isu kebersihan premis makanan merupakan perkara yang serius yang perlu kita titik beratkan. Premis makanan yang bersih, seperti di restoran, restoran makanan segera, kedai makan, kafeteria, kiosk, medan selera dan gerai makanan akan menarik lebih ramai pelanggan, dan itu adalah baik untuk perniagaan kerana pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan untuk mereka. Kebersihan premis makanan akan membuatkan pelanggan lebih selesa dan sudah pastinya mereka akan mengunjungi semula ke tempat kita.

Bagi meningkatkan tahap kebersihan premis makanan di Seberang Perai, MBSP telah melaksanakan program penggredan dan penguatkuasaan sejak tahun 2010 bagi premis-premis makanan yang menumpukan kepada tahap kebersihan premis makanan. Ianya juga adalah untuk memastikan pemilik premis makanan mematuhi peraturan dan memudahkan pengguna membuat penilaian serta memudahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci.

Aktiviti pemeriksaan premis makanan dijalankan enam (6) bulan sekali oleh MBSP untuk menilai tahap kebersihan berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Premis makanan yang mencapai tahap kebersihan yang cemerlang diberikan penghargaan berupa stiker (GRED A & B).

Penggredan makanan bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik premis dalam mempertingkatkan dan mengekalkan tahap kebersihan premis makanan masing-masing. Cara penyediaan makanan yang betul diberi penekanan bagi mengelakkan dari pelbagai penyakit berjangkit bawaan makanan dan minuman seperti taun, demam kepialu dan keracunan makanan. Ianya juga dapat membantu dalam peningkatan ekonomi setempat dan mempromosikan lagi industri makanan dan pelancongan di Seberang Perai.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada 18 Julai 2019, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan Perumahan Dan Perancangan Bandar & Desa telah memberikan kenyataan akhbar mengenai tindakan penguatkuasaan ke atas premis makanan yang tidak mematuhi amalan kebersihan di Pulau Pinang. Beliau juga telah member cabaran kepada MBSP untuk menambahbaik dan mensasarkan

semua premis makanan mendapat Gred A (70%) dan Gred B (30%) pada tahun 2020. Sasaran ini ditetapkan adalah untuk memastikan bahawa pengguna serta pelancong tidak merasa ragu-ragu terhadap status keselamatan makanan yang dijual di Pulau Pinang dan menepati kehendak masyarakat seiring dengan tagline Pulau Pinang sebagai syurga makanan.

Menyedari hakikat ini, beberapa langkah telah diambil bagi merealisasikan hasrat ini. MBSP telah menyusun Program *Retreat* Peningkatan Gred Premis Makanan. Sejumlah 1,849 premis makanan yang mendapat Gred B dan C dipanggil oleh MBSP bagi memberi pendedahan dan penambahbaikan di setiap daerah. Program ini dimulakan pada Januari 2019.

- i. Sesi 1/2019 di Daerah Seberang Perai Utara pada 15 Januari 2019 kepada 323 pemunya premis;
- ii. Sesi 2/2019 di Daerah Seberang Perai Tengah pada 24 September 2019 kepada 190 pemunya premis, dan

Sesi 3/2019 pada 8 Oktober 2019 kepada 195 pemunya premis;

- iii. Sesi 4/2019 di Daerah Seberang Perai Selatan pada 22 Oktober 2019, iaitu hari ini.

Matlamat Program *Retreat* Peningkatan Gred Premis Makanan diadakan adalah untuk:-

- i. Menyalurkan informasi kesihatan kepada pengusaha / pengendali makanan tentang tatacara pengurusan premis berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- ii. Mempertingkatkan / mengekalkan tahap kebersihan di premis makanan;
- iii. Memperbaiki amalan yang tidak betul / berisiko oleh pengendali makanan semasa mengendali makanan;
- iv. Pendidikan kesihatan dan menguatkuasakan undang-undang (*Educational Enforcement*); dan
- v. Memberi keyakinan kepada penduduk Pulau Pinang dan pelancong tentang status keselamatan makanan yang dijual di

Seberang Perai, seterusnya mengekalkan nama Pulau Pinang sebagai syurga makanan di Malaysia.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

MBSP mensasarkan menjelang 2020, daripada jumlah premis makanan yang berjumlah 2,141 buah, 70% akan mendapat Gred A, manakala 30% akan mendapat Gred B.

Pencapaian Pengredan premis makanan 2019 dan sasaran pada 2020

Gred	Jumlah premis	Sasaran menjelang 2020
A	292 (13.64%)	1,500 (70%)
B	530 (24.75%)	641(30%)
C	1,319 (61.6%)	-
Jumlah	2,141	2,141

Selain daripada mengadakan *retreat* ini dan bagi menjayakan program ini, MBSP berhasrat memberi insentif khas kepada pemilik premis yang berjaya meningkatkan tahap gred iaitu untuk peningkatan tahap gred:-

- I. Gred C kepada Gred A
 - a. Pembatalan rekod kompaun (kebersihan)

b. Pengurangan 50% kadar suntikan tifoid. (terhad kepada lima orang sahaja)

II. Gred B kepada Gred A

a. Pengurangan 50% kadar suntikan tifoid (terhad kepada tiga orang sahaja).

Dalam kaedah pemeriksaan dan penggredan premis-premis makanan, MBSP akan memeriksa setiap premis makanan dan memberi gred berdasarkan pemarkahan dan kriteria-kriteria:-:

- i. Kawasan Penyediaan Makanan (25 Markah)
- ii. Kawasan penyajian makanan (18 Markah)
- iii. Pengendali Makanan (13 Markah)
- iv. Sistem Bekalan Air (5 Markah)
- v. Kemudahan Sanitasi (12 Markah)
- vi. Struktur & Penyelenggaraan Premis (11 Markah)
- vii. Lain lain (Generik) (16 Markah)

Sekiranya mana-mana pemilik premis yang membiarkan premis kotor dan tidak mematuhi kriteria pemeriksaan dan penggredan premis makanan,

premis tersebut akan diberikan notis amaran atau kompaun atau pembatalan lesen MBSP sehingga pemilik berkenaan meningkatkan tahap kebersihan premis beliau. Ini adalah bagi menunjukkan ketegasan dan keazaman MBSP dalam menangani isu kebersihan di premis makanan ini. Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MBSP) 2019 sedang dalam proses penwartaan dan setelah dikuatkuasaka, MBSP akan diberi kuasa menutup premis atas kepentingan awam termasuk menutup premis yang tidak mencapai tahap kebersihan yang memuaskan (Gred A & B).

MBSP juga bercadang akan memasukkan syarat premis makanan berstatus Gred A & B di mana, sekiranya pemilik gagal mengekalkan gred tersebut, lesen mereka akan ditarik balik.

MBSP juga telah mengenalpasti lima (5) aspek yang seringkali diabaikan oleh pengusaha / pengendali makanan semasa pemeriksaan rutin dijalankan dan perlukan penambahbaikan bagi meningkatkan gred premis bagi menjamin kebersihan dan keselamatan makanan yang dihasilkan:-

- i. Kawalan suhu dan cara penyimpanan makanan di dalam peti ais;
- ii. Pakaian, amalan dan kebersihan diri pengendali makanan;
- iii. Kemudahan sanitasi (Tandas, Sinki dan Perangkap Minyak);

- iv. Struktur & Penyenggaraan Premis (Lantai, Dinding dan Longkang); dan
- v. Kawalan LILATI (Lipas, Lalat & Tikus)

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Meningkatkan kebersihan premis dalam mencapai peningkatan daripada Gred C kepada Gred A adalah selaras dengan pentauliahan Bandraya Seberang Perai. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mengamalkan konsep *inclusiveness*, MBSP menjaga hak pengguna dan melindungi kesihatan orang ramai dari penyakit-penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, kolera, tifoid, disenteri dan hepatitis A.

Pemilik premis / pengusaha makanan tidak perlu merasa tertekan dengan usaha-usaha yang diambil oleh MBSP bagi mematuhi syarat-syarat pelesenan dan kesihatan. Secara tidak langsung program ini membantu menaikkan imej Seberang Perai, mempertingkatkan dan mempromosikan lagi perkhidmatan makanan di Seberang Perai serta pelancongan di Seberang Perai.

Saya amat berterima kasih kepada pengusaha-pengusaha dan pengendali-pengendali makanan yang menyokong semua usaha yang dibuat oleh MBSP ini dan menyeru penglibatan semua untuk terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima kasih.